

Penyelidik FRIM hasilkan produk berasaskan bahan semula jadi di pesisir pantai

Daun cucur atap ramuan antigout

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

SETIU - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berjaya menghasilkan produk antigout daripada pati daun pokok cucur atap yang banyak terdapat di pesisir pantai di Pantai Timur. Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, produk Goutree dalam bentuk kapsul dan cecair penyembur itu merupakan hasil penyelidikan pihaknya sejak lapan tahun lalu.

Beliau berkata, minyak daripada pati daun pokok cucur atap telah digunakan secara tradisional oleh masyarakat Melayu bagi meredakan senggrugut,



ABDUL LATIF (tiga dari kiri) menunjukkan produk antigout yang menggunakan pati daun pokok cucur atap pada majlis prapelancaran produk Goutree di Stesen Penyelidikan FRIM di Setiu semalam.

kembung perut, sembelit, sakit belakang dan didakwa mengurangkan kadar gula dalam darah.

"Kajian saintifik yang

dilakukan FRIM mendapati pati daun pokok berkenaan mengandungi enzim yang mampu menghalang pengumpu-



INILAH pokok cucur daun atap.

lan asid urik pada sendi tulang yang menjadi punca kepada penyakit gout.

"Pengkomersialan produk Goutree berasaskan pati daun cucur atap ini meliputi kapsul untuk makanan tambahan dan cecair penyembur sebagai agen meredakan kesa-



PRODUK antigout dihasilkan dalam bentuk kapsul dan cecair penyembur.

kitan radang sendi akibat gout," katanya pada majlis prapelancaran produk Goutree di Stesen Penyelidikan FRIM Setiu, Bari Besar dekat sini semalam.

Turut hadir Pengarah Bahagian Bioteknologi Perhutanan FRIM, Datuk

Dr. Marzalina Mansor.

Abd. Latif berkata, pokok cucur atap yang merupakan spesies herba biasa ditemui di kawasan berpasir di pesisiran pantai di Pantai Timur dan pesisiran pantai berpasir Terengganu yang seluas 65,000 hektar.

Menurut beliau, FRIM sedia bekerjasama dengan kerajaan negeri Terengganu untuk mengkomersialkan produk Goutree berasaskan pati daun cucur atap itu sebagai sumber pendapatan baharu menjana ekonomi.

"Perusahaan berskala besar dijangka turut memberi manfaat besar kepada penduduk setempat kerana buat masa ini sekilogram ekstrak daun cucur atap dianggarkan berharga RM600," katanya.



24 Oct 2018

Kosmo, Malaysia

Author: Mohd. Azli Adlan • Section: Negara • Page: 16 • Printed size: 337.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 8,779.00
Item ID: MY0034116166

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

Penyelidik FRIM hasilkan produk berasaskan bahan semula jadi di pesisir pantai

SETIU - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berjaya menghasilkan produk antigout daripada pati daun pokok cucur atap yang banyak terdapat di pesisir pantai di Pantai Timur. Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, produk Goutree dalam bentuk kapsul dan cecair penyembur itu merupakan hasil penyelidikan pihaknya sejak lapan tahun lalu.